



Media Monitoring

Media Harian Metro Date 5 Jan 2008
Section Setempat Page 26
Issue HIV/AIDS Language Malay

Amal kehidupan bermoral elak dijangkiti HIV

SEREMBAN: Masyarakat perlu berpegang kepada amalan kehidupan bermoral dan bertanggungjawab bagi memastikan mereka tidak mudah terjebak dalam gejala tidak sihat termasuk dijangkiti HIV serta Aids.

Ini berikutan, bilangan rakyat negara ini yang dijangkiti HIV dan Aids menunjukkan peningkatan dan amat membimbangkan kerana sehingga kini tiada ubat boleh mengubati penyakit itu.

Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Norzam Mohd Nor, berkata setakat ini, kes jangkitan HIV di negeri ini merekodkan 6,224 orang manakala Aids 785 orang dengan jumlah kematian sebanyak 541 kes.

Beliau berkata, antara golongan yang paling ramai menjadi mangsa dan terbabit dengan penyakit berbahaya itu ialah mereka yang berumur antara 20 hingga 39 tahun yang dianggap kumpulan umur paling produktif bagi sesebuah negeri dan negara.

"Turut membimbangkan bilangan kes dan peratusan golongan wanita dijangkiti HIV/Aids dan meningkat setiap tahun dari 6.4 peratus pada 1998 kepada 15 peratus pada 2006.

"Walaupun wabak HIV/Aids di negara ini sering dikaitkan dengan penagih dadah, masyarakat umum tidak boleh menganggap mereka selamat kerana statistik menunjukkan wabak itu turut menular termasuk nelayan, pekerja kilang dan suri rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Mengenai HIV/Aids peringkat Negeri Sembilan di sini baru-baru ini yang disertai kira-kira 300 peserta terdiri kakitangan kerajaan dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO).